



**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN: 16 / 2021

Kepada:

Pengusaha Premis-Premis Makanan

**GARISPANDUAN PELAKSANAAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN YANG
DIPERKETATKAN SEMULA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN DI PREMIS-PREMIS MAKANAN**

Dengan hormat merujuk Kenyataan Media Kementerian Kesihatan pada hari Sabtu, 27 Zulhijjah 1442 bersamaan 07 Ogos 2021 berhubung dengan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam serta Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertarikh 29 Zulhijjah 1442 bersamaan 09 Ogos 2021 khususnya mengenai Premis-Premis Makanan.

2. Dalam hubungan ini, adalah **ditekankan dan diingatkan kepada Pengusaha Premis-Premis Makanan termasuk restoran, kedai makan, kedai minum, kafe, food court, gerai makan dan seumpamanya serta pengunjungnya adalah dikehendaki untuk mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Langkah-Langkah Pengawalan Yang Diperketatkan Semula Di Negara Brunei Darussalam Bagi Perkhidmatan Penyajian Makanan di Premis-Premis Makanan.**


3. Dalam perkara ini, sukacita dikongsikan Garis Panduan mengenainya seperti dilampirkan bersama-sama ini.

A handwritten signature in blue ink, appearing to begin with the letter 'A'.

Sekian disampaikan untuk makluman dan perhatian mengenainya.

"Bersama Cemerlangkan Bandar Seri Begawan"

"Belia Berwawasan, Negara Cemerlang"



(AMINUDDIN BIN HAJI BUNTAR)

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan

Rujukan : MB/29/99

Tarikh : 9 Muharram 1443 / 18 Ogos 2021



كمترین حال احوال دالن نخري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN YANG
DIPERKETATKAN SEMULA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
BAGI
PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN DI PREMIS-PREMIS MAKANAN
BERMULA HARI SABTU, 07 OGOS 2021

Bermula **hari Sabtu, 27 Zulhijjah 1442 bersamaan 07 Ogos 2021**, pengusaha premis-premis makanan termasuk restoran, kedai makan, kedai minum, kafe, *food court*, gerai makan dan seumpamanya serta para pengunjungnya adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat berikut:-

BAGI PENGUSAHA PREMIS MAKANAN:

1. Pengurus premis makanan dikehendaki untuk menyediakan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis. Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR, pengurus premis boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.
2. Premis makanan adalah tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan secara *dine-in* di premis-premis dan hanya dibenarkan menyediakan makanan untuk dibawa pulang (*takeaway*) dan *delivery* sahaja.
3. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan sebelum memasuki premis makanan.



4. Premis makanan hendaklah menyediakan pelan tindakan bagi memastikan pelaksanaan penjarakan fizikal yang mana di antaranya adalah seperti berikut:-
 - i. Tidak membenarkan pengunjung yang tidak menggunakan sungkup muka untuk memasuki premis makanan.
 - ii. Menghadkan kemasukan para pengunjung ke dalam premis makanan dalam satu-satu masa.
 - iii. Menyediakan kemudahan *delivery* dan *pick-up*.
5. Pekerja-pekerja premis makanan yang mengendalikan dan menyediakan makanan adalah dikehendaki untuk sentiasa memakai penutup muka yang bersesuaian dengan tugas pengendalian makanan.
6. Pekerja premis makanan yang tidak sihat atau mempunyai kod warna aplikasi Bruhealth selain kod warna hijau atau kuning adalah tidak dibenarkan untuk hadir bekerja.
7. Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
8. Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAGI PENGUNJUNG PREMIS MAKANAN:

1. Para pengunjung hendaklah mengimbas kod QR di premis. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh premis makanan.



كمترين حال احوال دالٰم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

2. Orang ramai adalah dikehendaki untuk menggunakan sungkup muka pada setiap masa apabila berada di tempat awam.
3. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer*.
4. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.

Disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Negara Brunei Darussalam

07 Muharram 1443 / 16 Ogos 2021